

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 JUN 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 28

### Pertumbuhan ekonomi perlu kekal tinggi

# Pertumbuhan ekonomi perlu kekal tinggi

ia penting untuk wujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti tinggi

KUALA LUMPUR

**M**alaysia perlu mengekalkan pertumbuhan ekonomi tinggi bagi mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkualiti tinggi untuk merapatkan jurang kemahiran antara tenaga kerja yang merupakan cabaran paling penting, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, Kementerian-

nya tidak pernah mengalihkan perhatiannya daripada kepentingan permintaan agregat, penciptaan perniagaan, inovasi, dan memilih pertumbuhan tinggi serta industri bernilai tinggi untuk melabur.

"Walau apa pun versi pekerjaan pada masa depan, ia hanya akan dilihat meyakinkan jika terdapat enjin pertumbuhan yang mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi."

"Justeru, pertumbuhan ekonomi merupakan faktor utama yang menjadi keperluan asas kepada kementerian ini," katanya, ketika berucap pada perasmian Deloitte South East Asia (SEA) Regional Capability Centre di sini pada Rabu.

Beliau berkata, latihan semula dan pembangunan tenaga kerja juga perlu ditingkatkan ke



RAFIZI



FOTO GAMBAR HIASAN

Tenaga profesional dan memiliki kemahiran tinggi mampu menangani masalah struktur ekonomi serta pada masa sama dapat meningkatkan rantai nilai.

skala yang tidak pernah dilihat sebelum ini.

Memetik laporan terkini Bank Dunia mengenai jurang kemahiran antara tenaga kerja yang besar, Rafizi menyatakan bahawa untuk menjadi setara dengan negara-negara OECD (Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi) maju dari segi kemahiran, negara per-

lu mewujudkan dua juta lagi pekerjaan berkemahiran tinggi.

Beliau berkata, ia adalah cabaran global yang masih dihadapi oleh banyak negara.

"Dalam beberapa bulan akan datang, kami akan melancarkan satu siri inisiatif untuk memudahkan akses kepada program peningkatan kemahiran pada skala besar supaya kami dapat

mengurangkan ketidakseimbangan permintaan bekalan," katanya.

Selain itu, Rafizi berkata, persekitaran yang menyokong mobiliti tenaga kerja juga perlu diwujudkan kerana ia tidak mencukupi hanya sekadar melatih, namun tidak memikirkan cara meletakkan kemahiran tenaga kerja sesuai dalam pekerjaan yang tepat.

Jelas beliau, perancangan tenaga kerja harus aktif dan bersungguh-sungguh, selain Malaysia mesti menyesuaikan serta mencabar kepercayaan terhadap faktor yang menjadikan seorang pekerja yang baik.

Katanya, dengan mengambil pendekatan mengutamakan kemahiran dan membolehkan tenaga kerja tempatan berkhidmat di rantau ini, ia akan menangani masalah struktur ekonomi dan pada masa sama dapat meningkatkan rantai nilai. - Bernama

TUKARAN ASING		
MATA WANG	BELIAN	JUALAN
1 DOLAR AS	4.602	4.606
1 EURO	4.92	4.9257
1 DOLAR SINGAPURA	3.4145	3.4179
1 POUND UK	5.7249	5.7303
100 RIAL SAUDI	122.7069	122.8201
100 RUPIAH INDO	0.0309	0.031